

## **PESANAN UNTUK ANAK MUDA**

**Muhammad Sallehudin Bin Md Derus**  
**Pusat Islam dan Pembangunan Insan**  
**Universiti Malaysia Pahang**  
**sallehudin@ump.edu.my**

“Bro, Muda lagi kan, enjoy la dulu”

“Muda lagi, dah tua baru la pergi masjid”

Banyak lagi ungkapan-ungkapan yang terucap di mulut anak-anak muda zaman sekarang. Hiburan yang diraikan seolah-olah mereka akan hidup di atas muka bumi ini untuk selamanya. Teknologi yang pesat membangun tidak digunakan dengan sebaik mungkin menjadi salah satu punca anak muda semakin hilang dan hanyut dibuai dunia yang fana ini.

Memang benar muda di dunia ini hanya sekali tetapi anak-anak muda perlu ingat kita akan muda selama-lamanya di akhirat kelak. Jika kita dimasukkan dalam syurga, bayangkan jika kita muda selama-lamanya di dalam syurga dengan nikmat yang tidak dapat digambarkan di atas dunia. Tetapi jika sebaliknya, kita boleh fikirkan dan nescaya ramai yang tidak akan mahukan azab yang Allah telah sediakan di dalam neraka.

Pesanan yang saya ingin sampaikan untuk anak muda ini adalah seperti berikut :

Pertama, jaga lah solat anda. Solat adalah perkara pertama yang dihisab oleh Allah di akhirat kelak. Solat ini juga petanda atau petunjuk sesiapa yang melakukan dengan khusyuk dapat menghindarkan daripada perbuatan yang keji dan munkar.

Kedua, ingat lah mati walaupun seketika. Peringatan ingat mati ini selalu diucapkan oleh penceramah atau di khutbah jumaat tetapi persoalannya, adakah sampai ke hati? Jika perkara ini dilakukan sentiasa, nescaya anak-anak muda kita akan terhindar daripada perang pemikiran zaman sekarang yang banyak mendorong ke arah kemaksiatan.

Ketiga, taat lah kepada ibu dan ayah sementara mereka masih ada. Redha ibu ayah ini amat penting kerana telah berulang kali disebut di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Kunci kejayaan seorang anak adalah doa daripada ibu dan ayah, maka berbaktilah kepada mereka sementara mereka masih ada di alam yang nyata ini. Jika mana yang telah tiada, doalah keampunan mereka sentiasa kerana anda adalah aset mereka selepas meninggal dunia.

Keempat, istiqamah lah dalam perkara yang kecil. Istiqamah adalah sesuatu yang sukar bagi orang muda. Ini kerana melakukan perkara yang sama mungkin membosankan. Percayalah, jika kita lakukan ibadah yang kecil itu, nescaya akan lahir rasa kemanisan dan Allah akan memudahkan urusan ibadah tersebut. Sebagai permulaan contoh, lakukan lah solat Dhuha dua rakaat secara berterusan setiap hari dan perbaharui niat untuk sentiasa ikhlas.

Kelima, carilah punca syafaat untuk bantuan di akhirat kelak. Antaranya yang paling mudah adalah syafaat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Banyakkan berselawat, apabila mendengar azan, sahutlah dengan jawapan yang betul kemudian berdoa dan sebagainya. Kemudian, syafaat Al-Quran juga jangan dilupakan kerana ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat sesiapa yang banyak membacanya dan mengamalkannya. Akhirnya, berdampinglah dengan orang-orang yang soleh agar mereka ini boleh memandu kita ke jalan yang lurus di atas muka bumi ini.

Kesimpulannya, banyak lagi perkara kebaikan yang boleh anak-anak muda boleh lakukan dengan mudah. Memetik kata-kata As-Syahid Imam Hasan Al-Banna ; Asas keimanan ialah hati yang bersih, asas keikhlasan adalah jiwa yang suci, asas semangat ialah keinginan yang kuat, asas usaha ialah keazaman yang membara dan semua sifat ini tidak wujud kecuali pada pemuda.